

e-BULETIN JSKM

EDISI MAC 2025

LAMBAIAN KASIH
PERSAHABATAN

RAHSIA ALAMI UNTUK
KELEGAAN SAKIT KEPALA

MENYEMAI MINAT,
MENUAI KEJAYAAN
Perjalanan Seorang Pendidik
Ts. Wan Anisha
Wan Mohammad

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

KELUARAN KE-13

ISTIMEWA ANAK
SULUNG



Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

Pn. Zuraira Libasin

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Unit Penerbitan e-Buletin

Jabatan Sains Komputer dan Matematik

UiTM Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh

Pulau Pinang



Kata Pengantar Ketua Editor

01

Kata Pengantar Koordinator

02

Ucapan Khas Salam Aidilfitri

03

Menyemai Minat, Menuai Kejayaan

04

Laporan Aktiviti

05

Perkongsian

16

Puisi

69

Isi

Kandungan e-Buletin





Menyemai Minat Menuai Kejayaan: Perjalanan Seorang Pendidik

Ts. Wan Anisha Wan Mohammad

Assalamu'alaikum dan salam sejahtera...

Tahun 2024 menyimpan pelbagai kenangan yang sukar diungkapkan dengan kata-kata. Ketika diuji oleh Allah dengan masalah kesihatan, Dia menggantikan ujian itu dengan anugerah yang terindah.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah SWT atas limpah kurnianya, kerana saya telah dianugerahkan Anugerah Pengajaran dan Anugerah e-Pembelajaran dalam Anugerah Akademik Universiti UiTM 2023 dan 2021. Bagi saya, setiap anugerah yang diterima adalah hasil daripada tugas dan tanggungjawab yang saya laksanakan sepanjang berkhidmat di UiTM. Selain penyelidikan, pengajaran adalah elemen utama dalam meraih kejayaan ini. Minat yang mendalam dalam bidang pengajaran mendorong saya untuk memberikan sepenuh komitmen dalam kerjaya. Namun, kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan daripada semua pihak. Jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga, sahabat, rakan sekerja, dan pelajar-pelajar yang banyak membantu dalam pelbagai aspek. Kepada rakan-rakan semua, teruskan berusaha dengan tekun dan sentiasa yakin pada diri sendiri. InsyaAllah, kejayaan akan menjadi milik kita. Semoga kita semua mendapat keberkatan di dunia dan kerahmatan di akhirat.

Saya ingin kongsi beberapa tips kejayaan untuk panduan semua:

1. Tetapkan matlamat jangka pendek dan jangka panjang, dan buat perancangan yang teratur untuk mencapainya.
2. Lakukan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh komited.
3. Yakin setiap dugaan dan cabaran yang dilalui ada hikmah dan jalan penyelesaian.
4. Sentiasa berfikiran positif.
5. Kejayaan hanya boleh dicapai dengan usaha, doa dan tawakal.

Ingatlah, "Tiada yang mustahil selagi kita yakin pada kekuasaan-Nya."





اَوَّلُ سَيِّئِي تَكُونُ لَوْ كُنِيَ مُبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang